

30 siswa NUS, NTU dan Lasalle akan tampil dalam 'Selubung'

► **MUHAMMAD EDRIE RIZWAN**
edrieam@sph.com.sg

PENTAS Budaya, pementasan teater tahunan di bawah naungan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMUKS) kembali lagi tahun ini.

Pementasan yang ke-11 berjudul *Selubung* ingin mengemukakan dan membincangkan keperitan menjejaki fasa hidup seterusnya.

Mengisahkan empat sekawan yang sedang menjalani penggal terakhir di universiti, mereka mendapat revelasi yang mengancam persahabatan mereka.

Dalam pada itu, *Selubung* akan mengetengahkan isu tabu yang dianggap penting, iaitu tubuh wanita dan peranannya sebagai seorang individu serta perbezaan dalam idea mengenai jantina.

"Tahun ini, kami ingin memberi tumpuan kepada pengalaman seseorang itu dalam membina sebuah kehidupan sambil

mencari keseimbangan antara pilihan yang dianggap sebagai terbaik dengan pilihan mereka sendiri," kata Encik Muhammad Fahmi Azmi, 25 tahun, pelajar tahun keempat Pengajian Melayu dan Sosiologi selaku penasihat dan pengarah *Selubung*.

Selain penglibatan 30 pelajar NUS, pelajar dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Maktab Seni Lasalle juga turut serta.

"Saya harap penonton dapat menikmati produksi ini, serta memahami bahawa segi keislaman seseorang tidak mencerminkan kebaikan mereka," kata Encik Muhammad Asyraf Samad, 24 tahun, pelajar tahun keempat Fizik dan Fizik Gunaan di NTU, yang memainkan watak Badrul.

Pelajar tahun ketiga dari Maktab Seni Lasalle, Cik Nur Miza Syazwina Mustafa, 22 tahun, pula berharap menerusi pementasan ini, penonton akan terus menyoal kewujudan stereotaip dan kelakuan yang tidak patut diterima dalam masyarakat dan agama.



MENGUPAS ISU SENSITIF: Pelakon 'Selubung' (dari kiri) Cik Nur Miza Syazwina Mustafa, Cik Nur Liyana Faisal Wahyuni, Encik Muhammad Afiq Atan dan Encik Muhammad Asyraf Samad menjalani latihan sejak Januari lagi untuk menjayakan pementasan ke-11 anjuran NUS Pentas Budaya. – Foto NUS PENTAS BUDAYA

"Isu-isu yang akan digambarkan dalam pementasan ini mungkin kurang senang bagi segolongan penonton, namun saya rasa perasaan kurang selesa ini akan mencabar cara kita memikir mengenai dunia kita," kata Cik Syazwina yang menghidupkan watak Najwa.

Buat kali pertama pada tahun ini, Pentas

Budaya telah menghasilkan sebuah skrip yang organik dan bercirikan 'devised piece' dengan kerjasama para pelakon dan di bawah bimbingan Main Tulis Group (MTG).

Menurut penyelaras projek pementasan ini, Cik Naadhirah Razak, 23 tahun, pelajar Linguistik Inggeris di NUS, persiapan untuk Pentas Budaya telah bermula semenjak Og-

os tahun lepas manakala sesi ujibakat dan latihan bermula Januari lalu.

Selubung akan berlangsung pada 28 Jun, 8 malam (pembukaan) dan 29 Jun 3 petang (matinee) dan 8 malam (gala) di Gateway Theatre.

Tiket berharga \$12 boleh didapati di bit.ly/pentasbudaya19